

27/10/1998

Kekerasan bercanggah perjuangan: Wan Azizah

KUALA LUMPUR, Isnin - Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail sekali lagi menegaskan beliau dan suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tidak terbabit dalam menganjurkan sebarang perhimpunan haram, termasuk membabitkan keganasan sehingga merosakkan harta benda awam.

Menurutnya, beliau dan suaminya juga tidak pernah mengarahkan sebarang perbuatan yang boleh menyebabkan berlaku keganasan dalam perhimpunan itu.

"Ini (keganasan) adalah bercanggah dengan apa yang kami perjuangkan selama ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, beliau dan Anwar memperjuangkan supaya orang ramai bangkit dan mengadakan reformasi dalam situasi aman damai.

Dr Wan Azizah berkata, siri ceramah dan perhimpunan yang diadakan Anwar sebelum beliau ditahan adalah contoh perhimpunan yang diadakan dalam keadaan aman.

"Beribu-ribu orang berhimpun untuk mendengar ucapan Anwar tanpa membabitkan sebarang elemen keganasan. Perhimpunan itu diadakan dengan penuh disiplin dan suasana aman.

"Saya tidak percaya kegiatan itu dianjurkan oleh individu atau pertubuhan tertentu, sebaliknya ia adalah reaksi spontan orang ramai selepas persetujuan bersama perlunya reformasi terhadap sistem pentadbiran sekarang," katanya.

Menurutnya, beliau dan Anwar berpendapat adalah tidak menjadi kesalahan bagi orang ramai menyertai perhimpunan awam untuk mendesak kebenaran dan keadilan serta menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap pemimpin negara yang gagal menjalankan tanggungjawab mereka.

"Kami percaya orang ramai berjuang untuk keadilan dan kebenaran atas nama keamanan mempunyai disiplin diri yang kuat.

"Bagaimanapun, kekecohan yang berlaku mungkin kerana mereka mahu mempertahankan diri daripada tindakan ganas pihak berkuasa," katanya.

Selain itu Dr Wan Azizah berkata, siri perhimpunan dan tunjuk perasaan yang diadakan di Dataran Merdeka, Masjid Negara, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Masjid Jamek Kampung Baru adalah luahan ikhlas rakyat yang kecewa dengan kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terutamanya berkaitan dengan kes Anwar.

"Tragedi keganasan di Kampung Baru dua hari lalu adalah manifestasi kemarahan rakyat yang tidak dapat disimpan lagi terhadap Dr Mahathir," katanya.

"Kebencian dan rasa tidak puas hati menjadikan keadaan semakin buruk disebabkan tindakan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) yang memukul dan mencederakan penunjuk perasaan, termasuk orang tua, wanita dan kanak-kanak," katanya.

(END)